

Ristaan Sejarah III : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

SAMBUNGAN

PELANCARAN PROGRAM PENGAJIAN

SATU majlis Pelancaran Program Pengajian bagi Pengambilan Pertama Pelajar-Pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah dilangsungkan pada 6 Ogos, 2007 bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib telah diundang sebagai tetamu kehormat untuk merasmikan pelancaran program tersebut. Marilah kita sama-sama merenungi dan memerhatikan ucapan Yang Berhormat Pehin ini yang penuh dengan nasihat dan harapan yang tinggi daripada seorang pemimpin negara kita yang berpengalaman : "Saya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayah-Nya jua kita semua dapat berkumpul di Majlis Pelancaran Program dan Perasmian Sesi Pengajian bagi Pengambilan Pertama UNISSA pada pagi ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak UNISSA kerana menjemput saya hadir dan seterusnya merasmikan pelancaran program dan sesi pengajian bagi Pengambilan Pertama Universiti Islam Sultan Sharif Ali atau dipanggil UNISSA. Di kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak pengurusan universiti atas usaha gigih mereka di dalam merealisasikan pengambilan pertama bagi universiti ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada pelajar-pelajar atas kejayaan mereka terpilih sebagai warga mahasiswa dan mahasiswi Pengambilan Pertama UNISSA. Barang setentunya, akan dikenang sebagai detik yang amat bersejarah bagi universiti dan membawa makna yang tinggi bagi awang-awang dan dayang sekalian.

Penubuhan UNISSA menunjukkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjaga dan memelihara kebesaran dan syiar Islam di negara ini, yang berlandaskan fahaman Ahli Sunnah Waljamaah menurut Mazhab Shafi'i, sebagai mana yang termaktub dalam Perlembagaan Negara. Seperti yang dihasratkan, universiti ini akan menjadi mercu tanda kegemilangan Islam negara yang berperanan dalam melahirkan ulama dan cendekiawan yang akan menyuburkan lagi perkembangan dan kefahaman ajaran Islam di Negara Brunei Darussalam.

Selari dengan maksud penubuhan universiti ini, saya difahamkan bahawa universiti ini mempunyai wawasan yang memandang jauh ke hadapan, iaitu 'Menjadi sebuah universiti yang tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik dengan berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah'. Saya penuh percaya wawasan yang murni ini akan berupaya untuk memandu universiti ini ke hadapan sehingga menjadi pusat pengajian tinggi yang cemerlang dan berdaya saing, bukan saja dalam dunia Islam, tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Saya difahamkan bahawa universiti akan memulakan pengajiannya dengan menawarkan pelbagai program di Peringkat Ijazah Pertama, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D), dalam kedua-dua aliran Arab dan aliran Inggeris. Penentuan program-program yang ditawarkan itu pula adalah berasaskan pada keperluan sumber tenaga manusia yang mempunyai identiti kebolehpasaran *marketability* sebagai mana yang dikehendaki oleh negara. Ini merupakan permulaan yang baik dan saya berkeyakinan, UNISSA mempunyai kemampuan untuk mengembangkan program-program pada masa yang akan datang.

Dalam pada itu, selaras dengan wawasan universiti ini, UNISSA juga perlu membuka pintunya kepada pelajar-pelajar dari luar negara. Dan seterusnya membuat hubungan kerjasama dengan universiti-universiti yang sudah *established* dan tersohor di dunia. Sudah setentunya ini akan melahirkan

Oleh : Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji
Mohammad Pengiran Haji Abdul
Rahman dengan kerjasama
Meja Kandungan Khas Pelita Brunei

persekitaran pembelajaran yang serba kompetitif dan pastinya akan mencetuskan mutu pengajian yang berkualiti tinggi, berdaya saing serta kreatif. Saya percaya UNISSA akan menjadi salah satu pilihan terbaik bagi mana-mana pelajar yang inginkan ketulenan berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah dan kecemerlangan serta berhasrat membina sahsiah murni, syumul atau *well-rounded*. Untuk mencapai matlamat itu, saya difahamkan bahawa mahasiswa / mahasiswi universiti ini diwajibkan mengambil kursus kokurikulum untuk membentuk sahsiah dan daya kepimpinan. Ini merupakan langkah yang positif kerana kita mahu melihat graduan-graduan mempunyai ketahanan diri, sentiasa mempunyai sikap positif serta perihatin terhadap masyarakat sekeliling mereka. Dengan ciri-ciri yang disebutkan itu, mahasiswa / mahasiswi akan menghindarkan diri dari gejala-gejala negatif yang akan memberi kesan buruk terhadap diri mereka, masyarakat dan negara.

Kualiti sesebuah universiti dilihat antara lainnya daripada aspek pengajaran dan pembelajaran, aspek penyelidikan dan pengkajian, aspek penerbitan dan aspek khidmat masyarakat. Oleh kerana itu, saya penuh berharap UNISSA akan memberikan perhatian terhadap aspek-aspek tersebut supaya kepercayaan orang ramai semakin tinggi dan imej universiti akan terserlah di mata masyarakat tempatan, serantau dan antarabangsa. Ke arah itu juga adalah amat penting bagi universiti ini mengenal pasti bidang kekuatan atau *nichenya* yang tersendiri sama ada dalam bidang program yang ditawarkan, mahupun jua dalam bidang penyelidikan yang hendak dijalankan. Dengan adanya kecemerlangan niche itu nanti, bukan sahaja universiti ini akan dapat menarik pelajar-pelajar dan pakar-pakar luar negara, tetapi juga menjadikannya lebih berdaya saing dan seterusnya akan mendapat kecemerlangan ilmu yang terkemuka dan disegani. Saya berkeyakinan UNISSA mempunyai keupayaan dalam mencapai yang saya sebutkan ini.

Bagi mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada UNISSA atas usaha gigih dalam menjayakan pelaksanaan program dan sesi pengajian bagi Pengambilan Pertama UNISSA. Kepada awang-awang dan dayang-dayang yang terpilih untuk menjadi pelajar pertama universiti ini. Saya penuh berharap supaya awang-awang dan dayang-dayang menggunakan peluang ini dengan sebaik-baiknya dan belajar bersungguh-sungguh hingga mencapai kecemerlangan demi agama, bangsa dan negara. Seterusnya saya mendoakan awang-awang dan dayang-dayang akan beroleh kejayaan dalam pengajian masing-masing. (Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, 2010 : 101 - 104)

Rasanya ucapan Yang Berhormat Pehin di atas yang berfokus kepada UNISSA sangat relevan untuk menjadi perhatian dan usaha-usaha terbaik semua warga UNISSA di sepanjang masa, sama ada dari pihak pengurusan, pihak pentadbiran, tenaga pengajar dan pelajar untuk menjadikan UNISSA sebuah universiti yang unggul.

Pada majlis tersebut juga, Rektor UNISSA yang juga Timbalan Menteri Pendidikan memaklumkan untuk rekod bahawa seramai 125 orang telah mendaftarkan diri mereka menjadi mahasiswa / mahasiswi bagi Ijazah Sarjana Muda dalam pelbagai fakulti dan program. Mereka itu ialah seramai 52 orang memasuki Fakulti Syariah dan Undang-Undang (37 orang dalam Sarjana Muda dan Undang-Undang dan 13 orang pula dalam Sarjana Muda Syariah dan Usul). Sementara itu, seramai 39 orang memasuki Fakulti Usuluddin (Tafsir dan Hadith). Seramai 16 orang pula akan mengikuti Program Sarjana Muda Bahasa Arab di bawah Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam. Sementara itu, seramai 18 orang akan mengikuti Program Sarjana Muda Sains dalam Pengurusan (Kewangan Islam) di bawah Fakulti



WAWASAN Universiti Islam Sultan Sharif Ali ialah : 'Menjadi sebuah Universiti Islam Tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik dengan berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah'.

Perniagaan dan Sains Pengurusan.

Manakala mereka yang mengikuti Ijazah dalam program Sarjana (Masters) ialah 26 orang, iaitu Sarjana Syariah 12 orang, Sarjana Usuluddin 8 orang, dan Sarjana Bahasa Arab 6 orang. Univeriti ini juga mempunyai seorang calon yang akan mengikuti program Ph.D. (Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad, 2010 : 214).

Buat sementara UNISSA beroperasi dengan mengambil tempat bangunan yang ditinggalkan oleh Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkihah, yang mana maktab tersebut berpindah ke kampus Universiti Brunei Darussalam (UBD) berikutan ia diserapkan ke UBD dalam Tahun 2006 / 2007. Bekas maktab tersebut yang terletak di kawasan Gadong, Bandar Seri Begawan telah diubah suai untuk menjadi kampus universiti, sebelum ia berpindah nanti ke kampus kekalnya yang dicadangkan untuk dibina di Daerah Temburong.

WAWASAN

Wawasan UNISSA ialah : 'Menjadi sebuah Universiti Islam Tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik dengan berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah'.

Apakah makna 'tulen' dalam wawasan ini? Kamus Bahasa Melayu Nusantara menyatakan maknanya : 'Tidak bercampur dengan yang lain (bukan tiruan, tidak lengkung), asli, sejati' (m.s. 2904). Dalam konteks Brunei, perkataan 'tulen' diambil dari titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Konvoquesyen UBD Ke-18 pada 11 Syaaban 1427H / 4 September 2006 :

"*Bahawa matlamat kita ialah sebuah pusat pengajian tinggi Islam yang tulen, yang akan menjadi landmark kita di dunia dan juga di akhirat, insyaaAllah.*"

'Tulen' juga bermakna merujuk pada Perlembagaan Brunei Darussalam yang menyatakan bahawa agama rasmi bagi Brunei ialah agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah, Mazhab Shafi'i. Selain itu, 'tulen' juga bermakna merujuk pada dasar dan sumber hukum Islam, iaitu Al-Quran, Al-Hadith, Al-Ijmak, dan Al-Qias. Di samping itu, 'tulen' juga merujuk pada falsafah negara Melayu Islam Beraja dan Wawasan Negara 2035 yang menekankan pada tiga aspek "(i) *our loyalty to our Sultan and our country*, (ii) *our beliefs in the values of Islam*, (iii) *Our traditional tolerance and social harmony.*"

Sebagai sebuah universiti Islam tulen, tidak bermakna hanya mengajarkan ilmu-ilmu Islam dalam bidang Syariah, bidang Usuluddin, bidang Lughah Arabiyyah dan Tamadun Islam semata-mata. Sebenarnya makna tulen itu tidak menghalang ilmu-ilmu umum yang lain yang bersifat 'fardu kifayah' diajarkan di universiti ini seperti bidang kewangan Islam, pengurusan, ICT, pemakanan halal dan lain-lain yang melihat dari perspektif Islam.

Mengenai dengan ketulenan, contoh jelas ialah Universiti Al-Azhar sebuah universiti yang terkemuka di dunia Islam yang pada awalnya hanya mengajarkan bidang pengajian Islam seperti Usuluddin, Syariah dan Lughah Arabiyyah, namun pada masa ini sudah mempunyai lebih

50 fakulti yang mengajarkan bidang-bidang umum, seperti perubatan, pertanian, kejuruteraan, arkitek dan lain-lain.

Subungan itu, insyaaAllah dengan bertawakal kepada Allah jua, pada tahun ini (2008) buat pertama kalinya yang bersejarah kita akan mengenalkan program undang-undang yang mana kursus-kursusnya mengandungi undang-undang sivil dan syariah bagi membolehkan graduannya nanti berinteraksi di kedua-dua mahkamah sivil dan Syariah. Ini kerana kehidupan manusia hari ini juga tidak terlepas dari undang-undang yang memerlukan pegawai-pegawai yang mempunyai latar belakang undang-undang. (Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad, 2010 : 297 - 299).

Dalam wawasan ini, universiti Islam tersebut diharapkan akan 'menjadi sebuah universiti Islam bertaraf antarabangsa'. Maksud 'bertaraf antarabangsa' ialah supaya universiti ini akan dikenali di peringkat antarabangsa sebagai mana dunia mengenali Universiti Al-Azhar, Universiti Jordan, Universiti Yarmouk, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan lain-lain. Antara ciri-ciri universiti antarabangsa itu ialah ia mengamalkan *the best practices* di peringkat antarabangsa, mempunyai pensyarah dari pelbagai negara, pelajar juga dari pelbagai negara. Perkataan 'progresif' antara maknanya : 'menuju kemajuan', 'bertahap-tahap, berperingkat-peringkat' (m.s.2142). 'Dinamik', antara maknanya : 'Penuh semangat dan tenaga sehingga cepat bergerak dan mudah menyesuaikan diri dengan keadaan dan lain-lain, untuk menerbitkan pembaharuan dan kemajuan' (m.s. 6125). Berdasarkan universiti ini 'berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah,' makanya rujukan utamanya ialah Al-Quran dan Al-Sunnah selain kitab-kitab Turath Islam yang lainnya, dan dengan sendirinya juga bahasa Arab menjadi wajib kepada setiap pelajar, kerana Al-Quran dan Al-Sunnah termaktub di dalam bahasa Arab, makanya semua pelajar perlu merujuk pada bahasa asalnya bahasa Arab, bukan semata-mata bergantung pada terjemahan atau ulasan dari bahasa-bahasa lain yang belum tentu kesahihannya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang ertinya :

"*Saya telah meninggalkan kepada kamu dua perkara, yang mana kamu tidak akan tersesat selama-lamanya, iaitu Kitab Allah dan Sunnahku.*"

Kebolehan bahasa Arab ini kepada pelajar universiti ini adalah satu kelebihan dan keberuntungan yang sangat besar maknanya kerana ia merupakan bahasa agama yang kita anuti dengan penuh yakin, di samping penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dan kemahiran bahasa nasional yang menjadi bukti jati diri.

BERSAMBUNG